

## PERATURAN PEMBAYARAN YURAN PELAJAR

### TARIKH-TARIKH AKHIR PEMBAYARAN YURAN SEMESTER 2 17/18

Assalamualaikum wrt wbt dan Salam Sejahtera

Kepada semua pelajar,

Adalah dimaklumkan, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) kali ke 106 bil 4/2017 bertarikh 31/7/2017 dan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) kali ke 33 bil 3/2017 bertarikh 14/8/2017 telah memutuskan dan menguatkuasakan bahawa pelajar yang gagal menjelaskan yuran semester semasa (current semester) dan hutang tertunggak akan dikenakan tindakan sekatan seperti berikut :-

1. Disekat dari pendaftaran
2. Disekat dari menduduki peperiksaan akhir semester semasa
3. Keputusan peperiksaan dan transkrip peperiksaan ditahan
4. Disekat dari menghadiri konvokesyen

2. Sehubungan itu semua pelajar dikehendaki untuk menyelesaikan semua yuran semester semasa (Semester 2 2017/2018) sebelum cuti pertengahan semester iaitu sebelum 30/3/2018.

3. Berikut adalah tarikh-tarikh penting yang perlu dipatuhi oleh para pelajar bagi mengelakkan tindakan sekatan dikenakan :-

#### JADUAL 1

BIL	PERKARA	TARIKH	CATATAN
1	Semester 2 2017/2018 bermula	12/2/2018 (Isnin)	Pelajar kanan mendaftar
2	Bayaran yuran Semester 2 2017/2018	Sebelum 30/3/2018 (Jumaat)	
3	Cuti pertengahan semester	31/3/2018 – 8/4/2018	1 minggu
4	<b><u>AMARAN PERTAMA</u></b> Proses <b>SEKATAN (BARRING)</b> pelajar yang masih berhutang	16/4/2018 (Isnin)	Seminggu selepas cuti pertengahan semester
5	<b><u>AMARAN AKHIR</u></b> Tempoh akhir untuk jelaskan hutang bagi membolehkan pelajar menduduki peperiksaan	<b>15/5/2018 (Selasa)</b>	i. 2 minggu sebelum Peperiksaan Akhir bermula

6	Peperiksaan Akhir Semester 2 17/18	1/6/2018 – 13/6/2018	
---	------------------------------------	----------------------	--

3. **Pelajar yang masih GAGAL menjelaskan yuran sehingga PUKUL 5 PETANG 15/5/2018 tidak akan dibenarkan menduduki peperiksaan Semester 2 2017/2018.**

4. Pelajar adalah dimohon membuat bayaran awal dan tidak menunggu saat akhir kerana transaksi bayaran secara atas talian (online) akan mengambil masa 1 hari untuk rekod bayaran bank dan hutang pelajar dikemaskini di dalam sistem. Pelajar tidak akan dapat mencetak slip peperiksaan sekiranya masih berhutang.

5. Oleh itu, pelajar dinasihatkan untuk merancang kewangan dengan sebaiknya.

6. Bayaran secara ansuran boleh dibuat dengan bayaran terakhir mestilah tidak lewat dari tarikh yang dinyatakan di Jadual 1 perkara 4 di atas. Jadual bayaran secara ansuran boleh dilaksanakan seperti berikut :-

BIL	BAYARAN ANSURAN	% BAYARAN	TARIKH
1	Ansuran pertama	20% dari yuran	Sebelum 15/2/2018
2	Ansuran ke-2	20% dari yuran	Sebelum 28/2/2018
3	Ansuran ke-3	20% dari yuran	Sebelum 15/3/2018
4	Ansuran ke-4	20% dari yuran	Sebelum 30/3/2018
5	Ansuran ke-5	20% dari yuran	Sebelum 15/4/2018

Kerjasama dari semua pelajar adalah amat dihargai. Sekian terima kasih.

Bahagian Kewangan Pelajar  
 Jabatan Bendahari  
 Universiti Malaysia Pahang  
 5 Februari 2018

*b/p Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan*